

SKRIP BERTUTUR KUMPULAN BAHASA MELAYU

PENDAHULUAN

Contoh 1

- Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Andai patah sayap rawali bertongkat jua saya kemari, bukan kerana mahu mencari calon suami, tetapi hanya untuk kita bersama-sama memahami dan mendekati mauduk bicara pada hari ini. Topik yang perlu dinahaskan pada hari ini ialah (terangkan tema/isu). (mulakan dengan ayat sendiri-boleh kaitkan dengan isu semasa).

Contoh 2

- Melati kuntum tumbuh melata;
Saying merbah dipohon cemara;
Assalamualaikum mulanya kata;
Awal bismillah pembuka bicara;
Topik yang perlu dinahaskan pada hari ini ialah (terangkan tema/isu). (mulakan dengan ayat sendiri-boleh kaitkan dengan isu semasa).

Contoh 3

- Mencari timba si anak dara;
Di bawah sarang burung tempua;
Salam sembah pembuka bicara;
Selamat dating semua.
Topik yang perlu dinahaskan pada hari ini ialah (terangkan tema/isu). (mulakan dengan ayat sendiri-boleh kaitkan dengan isu semasa).

NAK MENCELAH TAMBAH ISI (SETUJU)

Contoh 1

- Mohon maaf, izinkan saya mencelah
- Saya setuju, seperti isi saudara/saudari sebentar tadi iaitu (ulang point rakan)
- (letak penanda wacana), (point dan isi kita)

Contoh 2

- Mohon maaf, izinkan saya mencelah
- Saya setuju dengan pendapat saudara/saudari
- (letak penanda wacana), (point dan isi kita)

NAK MENCELAH TAMBAH ISI (TAK SETUJU)

Contoh 1

- Mohon maaf, izinkan saya mencelah
- Sebentar tadi saudara/saudari ada menyatakan bahawa (ulang point rakan)
- Tetapi bukankah (penerangan kita)
- Maka saya berpendapat bahawa (point dan isi kita)

KALAU ISI SAMA DENGAN RAKAN

- Suka atau duka untuk saya nyatakan prima kata saya yang seterusnya akan kedengaran 'ombak itu ombak jua', 'yang air itu air jua' seperti isi rakan saya sebentar tadi. Namun, kalian jangan buncah kerana saya berpandangan melalui prima kata yang sama, saya mampu terjemahkan adicita yang berbeza (masukkan isi kita)

PENUTUP

- Baiklah sebagai penutup perbincangan, izinkan saya memberikan empat rangkap pantun.
Anak ayam duduk di titi,
pergi bermain di tepi perigi,
alangkah indahnya pertemuan hari ini,
semoga kita bertemu lagi.

Bila dah habis perbincangan, semua calon kena buat kesimpulan. Kemudian salah satu calon (pilih sorang) akan memberikan kata-kata penutup.

PENANDA WACANA

ISI

- Lantaran idea yang pertama
- Menyelusuli lantaran idea kedua,
- Meniti untaian isi yang ketiga,
- Melabuh ke pangkalan isi seterusnya
- Memasuki jendela perbincangan terakhir

TURUTAN

- Antara
- Selain itu,
- Di samping itu,
- Lain daripada itu,
- Seterusnya,
- Akhir sekali,

HURAIAN

- Hal ini dikatakan demikian kerana
- Hal ini berlaku kerana
- Hal ini disebabkan oleh

CONTOH

- Contohnya,
- Sebagai contoh,
- Tamsilnya,
- Misalnya,
- Contoh yang dapat di ketengahkan ialah

PENUTUP

- Kesimpulannya,
- Tuntasnya,
- Konklusinya,
- Sebagai penutup wacana,
- Akhir kata,

NOTA LAIN UNTUK UJIAN BERTUTUR JUGA BOLEH DIAMBIL DARIPADA NOTA

KARANGAN